

TEATER FORUM: INOVASI PEDAGOGI PENDIDIKAN MORAL

PENGENALAN TEATER FORUM

Teater Forum ialah satu pedagogi pengajaran yang direka bentuk untuk perkembangan 3 dimensi moral iaitu penaakulan moral (kognitif), emosi moral (afektif) dan tingkah laku moral (psikomotor) yang menjadi tunjang untuk perkembangan moral, akhlak dan nilai kemanusiaan. Ketiga-tiga dimensi ini dapat dikembangkan melalui 4 langkah Teater Forum, iaitu: i. Olahan skrip ii. Lakonan anti-model iii. Forum dan iv. Lakonan intervensi. Aktiviti dan latihan dalam Teater Forum mampu menjadi satu reka bentuk untuk menjana manusiawi dalam diri individu secara santai, bersahaja, harmoni, kreatif dan inovatif sejajar dengan konsep 'didik-hibur' pengajaran abad ke-21. Keempat-empat langkah dalam Teater Forum dikendalikan oleh seorang Joker sebagai alternatif kepada guru.

PENYATAAN MASALAH

1. Guru Pendidikan Moral masih memainkan peranan "memindahkan" isi kandungan Buku Teks ke dalam minda pelajar secara naratif & pasif (Abdul Shatar, 2009).
2. Murid tidak mampu melihat kerelevanan fakta yang dihafal dari Buku Teks semasa menghadapi konflik dalam kehidupan sebenar (Vishalache, 2011).
3. Murid gagal mempertimbangkan sesuatu isu moral secara kritis dan kreatif sebelum mengambil keputusan bermoral (Jeevajothi, 1997;Chang, 2007).
4. Bahan Bantu Mengajar untuk Pendidikan Moral masih kurang (Suppiah, Barathy & Sandra, 2017).
5. Pengajaran guru tidak menggalakkan proses berfikir pelajar (Norzihani & Nur Surayyah Madhubala, 2015).

OBJEKTIF INOVASI

- Melahirkan guru (*rethinking teaching*) selaras dengan agenda transformasi pendidikan negara.
- Melahirkan guru (*redesigning learning*) selaras dengan agenda transformasi pendidikan negara.
- Menekankan (*experiential learning experience*) yang berpaksikan unsur didik-hibur (*fun learning*).

Suka atau tidak, guru perlu ubah gaya pengajaran mereka - Pakar



NOVELITI

Mengintegrasikan disiplin ilmu moral (*Moral Dilemma Discussion*) dan seni teater (*Forum Theatre*) untuk mereka bentuk satu pedagogi pengajaran yang transformatif dalam menangani cara menggunakan kandungan Buku Teks untuk meningkatkan KBAT, penaakulan moral dan kemahiran penyelesaian masalah murid.

SIGNIFIKAN TEATER FORUM


1. Melahirkan individu memiliki pemikiran refleksi, penaakulan, celik emosi & kemahiran penyelesaian konflik, sebagai kemahiran untuk mendepani cabaran abad ke-21.
2. Kemahiran penalaran diperoleh dengan memberi rasional kepada penyelesaian konflik, justifikasi terhadap tindakan diambil dalam penyelesaian sesuatu dilema moral, mengelakkan pelajar dari terjebak dalam masalah keruntuhan akhlak.
3. Meningkatkan pemikiran kritis & kreatif kerana pelajar sendiri menyelesaikan masalah dengan menggunakan aras pemikiran aplikasi, penilaian & reka cipta (KBAT).



EMPAT LANGKAH TEATER FORUM



1. Olahan Skrip




2. Lakonan anti-model



3. Forum



4. Lakonan Intervensi



IMPAK

MURID

Mengenal dilema moral dalam kehidupan sebenar (*real-life dilemma*), menangani dilema tersebut, membuat pertimbangan dan membuat keputusan yang bermoral.

MASYARAKAT

Melahirkan anggota masyarakat yang prihatin, altruistik, empati, dan menjadi agen penyelesaian masalah/konflik dalam masyarakat.

GURU/ PENSYARAH

Menjadi Pedagogi pendidikan yang mampu mengembangkan aspek KBAT, pemikiran kritis dan kreatif, kemahiran penyelesaian masalah (*problem solving*) dalam pengajaran yang berkonsepkan unsur 'didik-hibur'.

NEGARA

Melahirkan warganegara yang aktif, berikhtiar untuk mengatasi sesuatu konflik (*problem solving skills*), melahirkan agen moral yang caring dan mempunyai tanggungjawab sosial (*social responsibility*) dalam melestarikan keharmonian negara.

MODEL PELAKSANAAN TEATER FORUM

Memilih Unit Pengajaran daripada Buku Teks

Baca & fahami Kandungan dan Objektif Pembelajaran

Isu moral semasa yang menjurus kepada Tajuk/ Kandungan Unit Pengajaran

Merancang bahan berdasarkan isu dengan menggunakan teknik Teater Forum : 4 langkah

Merancang & Membina RPH

Melaksanakan Pengajaran di Kelas - 4 Langkah Teater Forum

POTENSI PENGKOMERSIALAN

SATU PEDAGOGI PENGAJARAN YANG TRANSFORMATIF DALAM BENTUK KID MEDIA INSTRUKSIONAL KEPADA:

01 Universiti

02 IPG

03 Politeknik

04 Sekolah



Prof. Madya Dr. Nadarajan Thambu



Prof. Madya Dr. Aminah Abd. Rhapor



Dr. Shasitharan Raman Kutty



Dr. Chander Vengadasalam